

09 SEP 1999

SABAH TUBUHKAN JAWATANKUASA PENGURUSAN INTEGRITI

KOTA KINABALU, 9 Sept (Bernama) -- Kerajaan Sabah telah menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Integriti sebagai respons kepada gesaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad agar setiap negeri mewujudkan badan seperti itu untuk memberikan lebih ketelusan dalam pengurusan hal ehwal kerajaan.

Jawatankuasa itu dianggotai ketua jabatan dan agensi kerajaan negeri dan persekutuan, menurut Jabatan Ketua Menteri dalam satu kenyataan hari ini.

Ketika mempengerusikan mesyuarat pertama jawatankuasa itu awal minggu ini, Ketua Menteri Datuk Osu Sukam berkata ia harus memastikan sebuah pentadbiran yang bersih dan setiap peringkat pengurusan hal ehwal kerajaan bukan sahaja bersih tetapi juga dilihat bersih.

Mesyuarat itu, antara lain, membincangkan bidang tugas bagi dilaksanakan sebagai garis panduan untuk mengawasi rasuah, salahguna kuasa dan diskriminasi di dalam kerajaan, menurut kenyataan itu.

Kenyataan itu juga memetik Osu sebagai berkata bahawa kerajaan akan menyiasat setiap aduan orang ramai dan memastikan ia ditangani dengan cepat dan secara profesional.

-- BERNAMA

JS AKD